A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG DIGITISED NEWSPAPER SEARCH TERM VISUALISER SAVED CITATIONS MICROFILM CATALOGUE

Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers Browse Newspapers

I am looking for

Advanced Search



# Orang tua-nya ta' mampu

Berita Harian, 9 January 1962, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL8145



## Orang tua-nya ta' mampu

Oleh

ALIAS YUNOS

SA-ORANG penuntut form tiga di-High School Kajang mungkin tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya tahun ini kerana ayah-nya miskin dan tidak mampu untok mengadakan wang membeli buku dan perbelanjaan sekolah.

Penuntut itu, Abdul Rahman bin Jaafar, 16 tahun, tinggal di-Kampong Sungai Ramal Dalam, enam batu dari Kajang, menyatakan kapada Berita Harian bahawa dia tidak dapat hendak melanjutkan pelajaran-nya tahun ini kerana kesulitan wang.

Abdul Rahman berchita2 hendak melanjutkan pelajaran-nya tetapi kerana kemiskinan ibu bapa-nya mungkin chita2-nya itu terpatah di-pertengahan jalan.

Inche Jaafar bin Kasab, 55 tahun, ayah Abdul Rahman, menyatakan bahawa dia telah di-beri tahu oleh guru Abdul Rahman bahawa anak-nya telah lulus peperiksaan L.C.E. tahun ini

mendapat grade 2 dengan markah terbaik sa-kali dari

Information

Newspaper:
Berita Harian

Date:
9 January 1962

Reel Number:
NL8145

Share

Table of Contents

< Previous Page 4 Next >

Menghilangkan keraguan2 tentang Malaysia
Menghilangkan keraguan2 tentang Malaysia WAKIIJ yang telah menghadhiri persidangan jawatankliasa

Kemajuan umat Islam
Kemajuan umat Islam npiDAK ada di-antara alim ulama Islam yang A berani menyatakan bahawu ugama Islam

Ka-mana-kah gema lagu2 nasional kita?
Ka-mana-kah gema lagu2 nasional kita? Oteh SETIABUDI TERSERAH-tAH KAPADA ANGKATAN

View Full Table of Contents

murid2 lain.

Inche Jaafar bekerja sa-bagai burok kasar di-estate dengan pendapatan $50 sa-bulan dan menanggong enam orang anak.

Tiga daripada anak2-nya sedang bersekolah. Dia ti-dak mampu mengadakan wang sa-banyak $120 untok membeli buku2 dan perbe-lanjaan sekolah Abdul Rah-man yang akan melanjut-kan pelajaran-nya ka-form IV, bila sekolah di-buka nanti.

Tuan Haji Mohamed Zain bin Tamar, sa-orang ulama yang terkenal di-kampong ini, menerangkan bahawa Abdul Rahman ada-lah sa-orang budak yang rajin dan berkelakuan baik.

Pada tiap2 hari dia pergi ka-sekolah menaikki basikal dan pada hari chuti dan hari minggu dia menolong ibu-nya menoreh getah.

Beliau juga telah melan-charkan kutipan derma di-kalangan pendudok2 kam-pong ini untok membantu Abdul Rahman membeli bu-ku2 sekolah-nya.

Tetapi kerana pendudok2 kampong ini terdiri dari ke-luarga yang miskin maka wang kutipan itu tidak chu-kup untok membeli buku2 Abdul Rahman.



A. RAHMAN

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

...ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy ©2023 Government of Singapore